



SEMAK setiap pautan yang diterima supaya mengelakkan menjadi risiko penipuan.

# WASPADA PENIPUAN 'SIM SWAP'

## FOKUS

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
sauri@mediaprima.com.my

Bayangkan tiba-tiba telefon hilang isyarat, tiada panggilan masuk, tiada mesej.

Beberapa minit sahaja, wang dalam akaun bank sudah lesap dipindahkan oleh orang lain menggunakan kod 'kata laluan sekali' (OTP) yang sepatutnya hanya diterima oleh pengguna.

Inilah realiti penipuan menerusi 'pertukaran sim' atau 'SIM swap', satu ancaman siber yang semakin membimbangkan di negara ini serta di seluruh dunia.

Penipuan ini beroperasi dengan mengeksploitasi

sistem pertukaran SIM yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi untuk pelanggan yang kehilangan telefon atau menukar peranti baharu.

Sindiket penipuan akan mengumpulkan maklumat peribadi mangsa terlebih dahulu melalui pelbagai cara termasuk serangan 'phishing', kejuruteraan sosial mahupun pembelian data daripada penjenayah di 'dark web'.

Menerusi maklumat berkenaan, mereka akan menghubungi syarikat telekomunikasi sambil menyamar sebagai pemilik nombor yang sah, mendakwa telefon hilang atau rosak dan meminta nombor itu dipindahkan

Ancaman siber ini dilakukan melalui eksploitasi pertukaran sim ketika pemilik peranti berdepan kehilangan atau menukar peranti baharu



PENGGUNA perlu lebih peka dengan sebarang perubahan menerusi peranti pintar.

ke SIM baharu dalam kawalan mereka.

Sebaik sahaja pemindahan berjaya, nombor telefon mangsa secara teknikalnya sudah berada di tangan sindiket terbabit.

Semua panggilan masuk, mesej teks dan paling kritikal kod OTP daripada bank akan diterima oleh penipu, bukan mangsa sebenar.

Menggunakan kod OTP terbabit, penipu boleh menetapkan semula kata laluan akaun perbankan dalam talian, melakukan pengesahan transaksi dan mengosongkan akaun mangsa sebelum mangsa sedar apa yang berlaku.

Di Malaysia, pihak berkuasa sudah mula memberi amaran berhubung ancaman ini.



UTAMAKAN keselamatan dengan menghidupkan verifikasi pelbagai peringkat.

# SELIDIK JIKA RASA CURIGA

Sindiket penipuan menggunakan pelbagai platform dalam talian bagi perangkap pengguna dedahkan maklumat peribadi

## DARI MUKA 33

Beberapa tahun lalu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, menegaskan bahawa penipuan 'SIM swap' walaupun belum meluas, sudah menjerat beberapa mangsa tempatan dengan kerugian mencecah ribuan ringgit.

Ini berlaku dalam landskap jenayah siber di negara ini yang semakin membimbangkan.

Untuk rekod, pada 2025, negara mencatatkan 74,744 kes penipuan dalam talian dengan kerugian melebihi RM2.9 billion, lebih dua kali ganda berbanding 35,470 kes pada 2024 yang membabitkan kerugian RM1.5 billion.

Trend global pula menunjukkan betapa cepatnya ancaman ini berkembang.

Di United Kingdom sahaja, kes penipuan 'SIM swap' melonjak 1,055 peratus pada 2024 daripada 289 kes kepada hampir 3,000 kes dalam tempoh setahun.

Peningkatan mendadak ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan penggunaan eSIM yang membolehkan pertukaran nombor dilakukan daripada jauh dalam masa kurang lima minit, berbanding proses konvensional.

Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Khairie Ahmad berkata, wujud beberapa tanda amaran awal yang perlu diambil kira.

"Tanda paling jelas ialah apabila telefon pengguna tiba-tiba kehilangan isyarat sepenuhnya tanpa sebab yang munasabah, terutama bagi pengguna yang berada di kawasan yang biasanya mempunyai liputan baik.

"Selain itu, menerima mesej pemberitahuan daripada bank atau syarikat telekomunikasi berkaitan perubahan yang tidak dilakukan, ini juga petanda bahaya perlu segera ditangani.

"Bagi melindungi diri, beberapa langkah praktikal boleh diambil,"



**Tanda paling jelas ialah apabila telefon pengguna tiba-tiba kehilangan isyarat sepenuhnya tanpa sebab yang munasabah, terutama bagi pengguna yang berada di kawasan yang biasanya mempunyai liputan baik**

**DR MOHD  
KHAIRIE**



TAKTIK penipuan pertukaran kad sim akan menjadi lebih popular pada masa depan.

katanya.

Mohd Khairie berkata, langkah pertama ialah elakkan berkongsi maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, tarikh lahir atau nombor akaun bank di platform dalam talian yang tidak disahkan keselamatannya.

"Kedua, hubungi terus syarikat telekomunikasi jika telefon tiba-tiba kehilangan isyarat untuk

mengesahkan sama ada ada perubahan dibuat pada akaun anda.

"Ketiga, pertimbangkan untuk menggunakan aplikasi pengesah (authenticator app) sebagai pengganti OTP berasaskan SMS bagi akaun perbankan kerana kaedah ini tidak boleh dipintas melalui 'SIM swap'.

"Keempat, aktifkan

ciri PIN atau kata laluan tambahan pada akaun telekomunikasi sebagai lapisan keselamatan tambahan sebelum sebarang perubahan boleh dilakukan," katanya.

Pada masa sama, kerajaan turut mengambil langkah proaktif dalam menangani landskap ancaman ini secara menyeluruh.

Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mewajibkan semua syarikat telekomunikasi menggunakan MyDigital ID sebagai pengesahan identiti dalam aplikasi mereka.

Ia adalah salah satu mekanisme yang turut berpotensi menghalang percubaan 'SIM swap' yang tidak sah.